



15 JUL, 2021

MAFI Prihatin: FAMA Terengganu agih sumbangan kepada petugas barisan hadapan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

MAFI Prihatin: FAMA Terengganu agih sumbangan kepada petugas barisan hadapan

KUALA TERENGGANU: Prihatin dengan kekangan masa petugas barisan hadapan yang sibuk 'berperang' dengan COVID-19, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengambil inisiatif menceriaikan mereka melalui sumbangan buah-buahan dan sayur-sayuran.

Pengarah FAMA Terengganu Che Ghani Che Wan berkata sumbangan itu merupakan sebahagian daripada program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan telah diagihkan secara berperingkat di lima lokasi bermula 22 Jun lepas melibatkan 420 kilogram buah-buahan dan sayur-sayuran bernilai lebih RM2,500.

"Hari ini (semalam), FAMA Terengganu menyampaikan sumbangan ke-

pada 110 petugas barisan depan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Chendering," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Katanya, sebelum ini, sumbangan telah disampaikan ke Hospital Hulu Terengganu, Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu; pusat pemberian vaksin (PPV) Gong Gemuntong di Besut dan petugas keselamatan di sekatan jalan raya (SJR) sekitar Kuala Terengganu.

Antara barang yang disumbangkan ialah labu manis, keledak, bendi, cili merah, tomato, timun, kobis, pisang, bihin dan air mineral.

Dalam perkembangan lain, Che Ghani berkata harga durian di Terengganu dijangka lebih murah pada

pertengahan Ogos kerana dianggarkan akan terdapat lebih 7,080 ribu metrik tan longgokan durian kampung dari pekebun Terengganu.

"Ketika ini, durian yang dipasarkan di Terengganu adalah dari negeri luar termasuk Johor dan Pahang. Harganya sedikit mahal kerana kos pengangkutan, namun sebaik sahaja durian Terengganu luruh, harganya akan lebih murah... kita dimaklumkan harga di kebun ialah antara RM4 hingga RM5 sekilo," katanya.

Selain itu, beliau berkata FAMA Terengganu telah mengeluarkan 500 surat pengesahan kepada pekebun, peraih dan individu yang terlibat dengan aktiviti rantaian pembekalan serta pemasaran keperluan di negeri ini bagi tempoh 1 Jun hingga 13 Julai lepas. — Bernama



SUMBANGAN: Che Ghani (kanan) ketika menyerahkan sumbangan buah-buahan kepada Dr Sharifah (tiga kanan) di PKRC UiTM Chendering, dekat Kuala Terengganu semalam. — Gambar Bernama



15 JUL, 2021

MAFI Prihatin: FAMA Terengganu agih sumbangan kepada petugas barisan hadapan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA TERENGGANU: Prihatin dengan kekangan masa petugas barisan hadapan yang sibuk 'berperang' dengan COVID-19, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengambil inisiatif mencerikan mereka melalui sumbangan buah-buahan dan sayursayuran. Pengarah FAMA Terengganu Che Ghani Che Wan berkata sumbangan itu merupakan sebahagian daripada program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan telah diagihkan secara berperingkat di lima lokasi bermula 22 Jun lepas melibatkan 420 kilogram buah-buahan dan sayur-sayuran bernilai lebih RM2,500.